

**Planetarium Negara Yakin Tarik Pelancong Asing Pada Tahun Melawat Malaysia
Bernama
7 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Planetarium Negara yakin dapat menarik pelancong asing untuk mengunjungi pusat pendidikan sains angkasa itu sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa) Dr Mustafa Din Subari berkata Planetarium Negara bukan destinasi asing kepada pelancong luar negara kerana golongan itu merangkumi 10 peratus daripada jumlah keseluruhan pengunjung.

"Kedudukan Planetarium Negara yang berhampiran dengan destinasi pelancongan seperti Taman Botani, Taman Burung dan Taman Rama-Rama juga membolehkan ia dikunjungi pelancong dengan mudah.

"Sebab itu, kami akan terus memperbaiki kemudahan dan mempelbagaikan pameran di Planetarium Negara sebagai sokongan kepada acara negara (Tahun Melawat Malaysia)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan ulang tahun Planetarium Negara ke-19 di sini, hari ini.

Mengenai kedatangan pengunjung, Mustafa berkata lebih 200,000 orang mengunjungi Planetarium Negara pada 2012 dengan jumlah besarnya adalah pelajar sekolah.

Beliau berkata pihaknya menasasarkan peningkatan sebanyak 10 peratus daripada jumlah itu untuk tahun ini.

Bagi menarik lebih banyak pengunjung, Planetarium Negara membawa masuk tiga filem baharu berkaitan sistem angkasa yang ditayangkan pada Selasa hingga Ahad bermula 10 pagi hingga 4 petang.

"Kos untuk membawa masuk filem itu berbeza-beza antara RM40,000 hingga RM100,000 setahun yang ditentukan oleh durasi filem, jumlah tayangan dan syarikat penerbitan filem itu," katanya.

Antara filem yang dibawa masuk tahun ini ialah kisah kejadian bintang, 'Journey To The Star' yang menggunakan suara pelakon Hollywood popular Whoopi Golberg.

Dua lagi filem ialah 'Across The Universe: The Voyager Show' yang mengisahkan penerokaan teknologi angkasa manakala filem 'Earth, Moon & Sun' membawa pengunjung memahami fenomena alam seperti gerhana matahari dan bulan serta kejadian pasang surut air laut.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=926783>